

PESANAN REKTOR

10 Disember 2017 Minggu Adventus Ke-2

Kita dapat merasakan suasana yang mengujahkan berlaku sekarang ini. Hiasan Krismas terdapat di mana-mana. Keghairahan kita untuk menyambut Perayaan Krismas juga semakin memuncak. Saya mendapati setiap zon bahasa akan memandu sambil berdoa untuk menyokong perayaan Krismas kita. Pendoa-pendoa berdoa dengan tekun bagi gereja kita melalui persekutuan doa dan doa berkumpulan. Kita juga mempunyai doa berantai setiap minggu bermula Isnin petang sehingga Selasa petang. Persiapan yang berlangsung selama sebulan telah mulai menghasilkan buah.

Pasukan misi ke Rangsit juga telah bersedia dan kita akan menghantar mereka ke ladang misi pada hujung minggu ini. Kumpulan ini mewakili gereja kita. Sangat penting bagi kita untuk mempunyai rasa pemilikan dan berdoa bagi mereka yang pergi ke ladang misi. Ketika kita berdoa untuk mereka, kita menjangkakan tuaian yang besar akan terjadi apabila mereka kembali. Firman Tuhan mengatakan bahawa orang yang menabur benih, akan pulang membawa hasil tanaman sambil menyanyi dengan gembira.

Respon terhadap hadiah kotak kasut agak sedikit perlahan. Kita memerlukan 200 hadiah kotak kasut. Saya mendorong kepada semua jemaat untuk memberi respon dan terlibat sama dalam hal memberi. Cuba anda bayangkan senyuman di wajah dan sukacita setiap orang menerima hadiah ini apabila mengetahui bahawa mereka juga diberi perhatian. Saya percaya bahawa setiap perkara yang kita tanam akan menghasilkan buah dan buah tersebut akan bertahan selamanya.

Matius 25:37-40 memberitahu kita "Maka orang-orang benar itu akan menjawab Dia, katanya: Tuhan, bilamanakah kami melihat Engkau lapar dan kami memberi Engkau makan, atau haus dan kami memberi Engkau minum? Bilamanakah kami melihat Engkau sebagai orang asing, dan kami memberi Engkau tumpangan, atau telanjang dan kami memberi Engkau pakaian? Bilamanakah kami melihat Engkau sakit atau dalam penjara dan kami mengunjungi Engkau? Dan Raja itu akan menjawab mereka: Aku berkata kepadamu, sesungguhnya segala sesuatu yang kamu lakukan untuk salah seorang dari saudara-Ku yang paling hina ini, kamu telah melakukannya untuk Aku. "

BISYOP

The Rt. Revd. Melter Jiki Tais

REKTOR

Rev. Philip Lo (philipvclo@gmail.com)

WARDEN PADERI

Mr. Liew Sio Yean

WIFI

SSID: ilovefcc; Pwd: faith2jesus

PASTOR

BM - Ps. Lafir David (fierdavid@gmail.com); **ENG** - Ps. Timothy Lim (3rdemail@gmail.com); **CHI** - Mrs. Annie Kok (anniekokstar@gmail.com)

ALAMAT

No. 19 Jalan PJS 11/1, 46150 Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor.

TELEFON

03-5635 8590 / 03-7496 7917

FACEBOOK

facebook.com/ilovefcc

E-MAIL

ilovefcc.com@gmail.com

Tahun Pemulihan!

Visi: Membina sebuah gereja yang mengongsikan Yesus dan menyentuh hidup melalui pemuridan yang sentiasa bertumbuh dalam kasih kepada Allah dan sesama manusia.

